

Unimas pelopori program berteras kualiti

Khamis 7/1/2010 p.5

KOTA SAMARAHAN, Rabu- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mahu menjadi pelopor program yang berteraskan kepada kualiti kepada universiti-universiti di negara ini pada tahun 2011.

Naib Canselor UNIMAS Prof Dr Khairuddin Ab Hamid berkata, antara langkah yang telah diambil ke arah itu ialah melalui penganjuran Klinik COPPA (Kod Amalan Akreditasi Program) di universiti itu yang bertujuan memberi panduan kepada instiusi pengajian tinggi, penilai jaminan kualiti, pegawai Agensi Kelayakan Malaysia(MQA), penggubal polisi, badan-badan profesional dan yang mempunyai kepentingan dalam bidang pengajian tinggi.

Menurutnya, UNIMAS kini mempersiapkan diri untuk pematuhan MQA, malah

sejak diperkenalkan ia banyak memberi perkembangan positif terhadap kualiti, lebih profesional, kualiti akademik tambahan, menerbitkan bahan yang relevan seperti COPPA dan COPIA, membantu kepada penyelesaian masalah.

"Kita mendapat banyak manfaat melalui MQA dan kita ingin berkongsi dengan pihak lain untuk sama mempraktikkannya," katanya di majlis perasmian Klinik COPPA di sini hari ini.

Katanya, universiti itu juga menyiapkan diri dengan Balance Scorecard untuk mengukur pencapaian, visi dan misi dalam pendidikan dengan berpandukan kepada Jaminan Kualiti Area 1 daripada buku COPIA.

"UNIMAS sudah merumuskan sistem pengukuran berdasarkan projek-projek sepoerti Audit Prestasi Akademik(APA),

Setara, RU Tools, STAR Rating. Kita mempunyai hamper 200 penunjuk dalam lima kumpulan utama," ujarnya.

Khairuddin memberitahu UNIMAS juga membentuk kumpulan kerja Taskforce, dan mempunyai pangkalan data yang boleh mengemas kini pengurusan dengan data relevan untuk jaminan kualiti berterusan.

"Pada April tahun ini kita dapat biayaan InMinds Projek yang merupakan ICT Business Intelligence Projek untuk menganalisis dan pematuhan keputusan. Kita juga menghasilkan data berkaitan dengan prestasi pelajar daripada Malaysia Qualification Framework(MQF)," katanya.

Beliau turut berharap klinik seumpama itu akan diteruskan memberi pemahaman jelas kepada semua pihak berkaitan berkenaan dengan Klinik COPPA.